

24 FEB 2000

Mahathir-Pesaraan

K'JAAN SEDIA TIMBANG LANJUT UMUR PESARAAN.

PUTRAJAYA, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedia menimbang semula keputusannya untuk tidak melanjutkan umur pesaraan kakitangan perkhidmatan awam daripada 55 tahun kepada 58 tahun seperti yang minta oleh Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).

Bagaimanapun beliau berkata kesediaan kerajaan itu tidak bermakna kerajaan akan bersetuju melanjutkan umur pesaraan.

"Kita akan bawa perkara ini kepada perhatian kerajaan. Kita akan timbang tetapi menimbang bermakna mungkin bersetuju, mungkin tidak," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pertemuan beliau dengan pegawai tertinggi kerajaan di Bukit Kiara, di sini pagi tadi.

Katanya beliau berkata demikian kerana adakalanya akhbar melaporkan kerajaan bersetuju terhadap sesuatu perkara itu sedangkan beliau hanya menyatakan kesediaan untuk menimbangkannya.

Dr Mahathir berkata cadangan untuk melanjutkan umur pesaraan kakitangan kerajaan ada dibangkitkan pada pertemuan pagi tadi tetapi tidak dibincangkan semasa mesyuarat Kabinet semalam.

Ditanya sama ada Kabinet membincangkan soal Sistem Saraan Baru (SSB) kakitangan kerajaan Dr Mahathir berkata ia tidak dibincangkan.

Mengenai permintaan beberapa pihak supaya Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah supaya mengumumkan sama ada hendak bertanding kerusi presiden atau timbalan presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini berikutan beberapa kenyataan terbarunya, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu mengulas perkara itu.

"Bagi saya, saya mengikut keputusan Majlis Tertinggi. Apa orang lain hendak buat, itu perkara lain, saya tiada komen," katanya.

Tengku Razaleigh sebelum ini menyatakan beliau tidak berhajat merebut dua jawatan tertinggi parti, tetapi kemudiannya mengeluarkan kenyataan supaya pemilihan perwakilan ke perhimpunan agung parti itu nanti dibuat secara undi sulit.

Ini menimbulkan tanda tanya sama ada beliau betul-betul tidak mahu bertanding merebut jawatan itu atau sebaliknya.

-- BERNAMA

AR RI